

'Tindakan memalukan negara'

BH- 9/12/2021 m/s: 4

Panel hakim sifatkan tidak masuk akal kerajaan jamin pinjaman kepada GLC

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali dan Farah Marshita Abdul Patah
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Panel hakim Mahkamah Rayuan menyifatkan, adalah tidak masuk akal bagi kerajaan untuk menjamin pinjaman kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dengan mengetahui ia tidak boleh membayar balik pinjaman atau faedah.

Hakim, Datuk Abdul Karim Abdul Jalil, dalam penghaki-

mannya, menegaskan langkah mendedahkan kerajaan menjamin syarikat korporat yang bermasalah bagi mendapatkan pinjaman, bukan satu tindakan yang dibuat demi kepentingan negara.

"Itu hanyalah pengurusan kewangan dana awam yang buruk. Ia bukan sesuatu yang boleh dikatakan dilakukan demi kepentingan negara. Tiada kepentingan negara di sini, ia cuma memalukan negara," tegasnya.

Abdul Karim berkata, Datuk Seri Najib Razak terbabit secara aktif dalam memastikan pinjaman RM4 bilion daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) disalurkan kepada SRC International Sdn Bhd.

Beliau berkata, selepas pinjaman disalurkan, Najib bersikap tidak acuh mengenai keberadaan dana itu dan tidak meminta penjelasan SRC apa yang berlaku kepada dana atau bagaimana ia digunakan dan untuk tujuan

apa, selain mengarahkan Menteri Kewangan kedua ketika itu untuk tidak menyentuh SRC.

"Kelakuan ini boleh menunjukkan hanya satu perkara iaitu sebaik dana itu diperoleh SRC, di mana perayu mempunyai kawalan menyeluruh, dia bebas menggunakannya bagi faedah peribadinya. Ini ditunjukkan dengan pengaliran RM42 juta daripada SRC ke dalam akaun peribadi perayu (Najib)," katanya.

Sementara itu, Najib dalam

“Oleh itu, saya menghasilkan banyak kekayaan kepada negara. Jika anda menyebut mengenai perkara yang memalukan negara, terdapat banyak lagi insiden dan isu lain”

Najib Razak,
Bekas Perdana Menteri

reaksinya susulan keputusan Mahkamah Rayuan itu, kecewa kerana tindakannya dianggap hanya memalukan negara.

Dakwanya, sepanjang menggalas tugas sebagai Perdana Menteri, beliau banyak memberi fokus kepada pembangunan negara hingga membawa banyak kekayaan menerusi peningkatan aset daripada RM800 juta kepada RM2 trilion.

“Oleh itu, saya menghasilkan banyak kekayaan kepada negara. Jika anda menyebut menge-

nai perkara yang memalukan negara, terdapat banyak lagi insiden dan isu lain.

“Sebagai contoh, isu Forex yang mengakibatkan kerugian sebanyak RM31 bilion. Kalau anda letakkan dalam konteks itu, bukankah perkara itu lebih memalukan,” katanya yang merujuk kerugian Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 1980-an selepas terbabit secara aktif dalam urusan niaga mata wang asing.

Peguaan bela Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, ketika mengkritik keputusan itu, mendakwa kecewa kerana mahkamah rayuan tidak mahu menerima bukti baharu membabitkan Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz yang menerima duit menerusi ahli keluarganya berjumlah RM64 juta.

“Tetapi itu bukan jumlah sebenar, sebaliknya mereka menerima 10 kali ganda daripada jumlah berkenaan,” dakwanya kepada media.

